

→ SASTERA & BUDAYA

Barat pandang rendah syair kanak-kanak Melayu

➔ Penjajah tak percaya peribumi mampu hasil teks seperti SUBJ

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

▪ Bangi

Tradisi ilmu orang Melayu bukan hanya tersimpan dalam karya agung seperti *Bustan as-Salatin* tulisan Syeikh Nuruddin al-Raniri, bahkan turut terkandung dalam naskhah yang ditulis khusus untuk kanak-kanak.

Hal itu dikongsikan Profesor Sastera, Bahasa Asia Tenggara dan Kajian Islam di Universiti Cologne, Jerman. Prof Dr Edwin P Wieringa dalam pembentangannya, *Lithography and The Malay Manuscript Tradition* di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Univer-

siti Kebangsaan Malaysia di sini.

Wieringa berkata, *Syair Unggas Bersoal jawab* (SUBJ) misal antara naskhah klasik kerap kali diulang cetak bermula 1871 hingga 1900.

"Teks ini direvolusikan dari litografi bertarikh 1287. Ia antara 10 judul yang kerap dicetak semula oleh Singapore Muslim Malay Printing pada pertengahan abad ke-19 itu," katanya.

Bagaimanapun, tegas Wieringa, pandangan Orientalis menyebabkan SUBJ tidak disedari kewujudannya kerana penjajah tidak percaya orang Melayu mampu menghasilkan teks seperti SUBJ.

"Antara yang kerap terperangkap dalam pandangan Orientalis ini ialah sarjana Belanda, Philippus Samuel van Ronkel yang selalu

tercari-cari asal-usul SUBJ ini.

"Van Ronkel mencari-cari sama ada ia datang dari Parsi, India atau Arab, sekali gus berasaskan seolah-olah orang Melayu tiada kreativiti langsung untuk menghasilkannya," katanya.

Tunjuk sesi lain masyarakat Melayu

Beliau berkata, SUBJ paling kerap dibandingkan dengan *Mantiq al-Tayr* (Musyawarah Burung) karya tokoh penting dalam sastera dan sufi Parsi, Farid Ud-Din Attar.

"Masakan ada persamaan antara kedua-duanya sekiranya kitab itu langsung tidak ada kaitan? SUBJ mungkin tidak setanding *Mantiq al-Tayr* tetapi naskhah ini menunjukkan sisi lain masyarakat Melayu

Teks ini direvolusikan dari litografi bertarikh 1287. Ia antara 10 judul yang kerap dicetak semula oleh Singapore Muslim Malay Printing pada pertengahan abad ke-19 itu"

Edwin P Wieringa,
Profesor Sastera, Bahasa Asia
Tenggara dan Kajian Islam
di Universiti Cologne, Jerman



(FOTO NURUL SHAFINA JEMENON / BH)

dalam memperkenalkan agama kepada kanak-kanak," katanya.

Wieringa berkata, meskipun SUBJ ini disifatkan tidak bagus oleh orientalis, menariknya hampir semua edisi karya berkenaan tersimpan di Leiden, Belanda, selain di School of Oriental and African Studies (SOAS), Britain dan Turki.

Malah kata Wieringa, SUBJ bukan hanya tersebar di Kepulauan Melayu sebaliknya turut ditemui di Sri Lanka.

SUBJ yang tidak diketahui siapa pengarangnya ialah kisah mengenai sekumpulan burung yang bercakap mengenai agama Islam.

Berdasarkan kandungannya yang menumpukan kepada perkara asas mengenai Islam, Wieringa berpendapat ia ditulis khu-

sus untuk kanak-kanak.

Misalnya perenggan yang menyebut: 'Dalam dunia engkau yang lalai asyik dengan nasi dan gulai/ilmu akhirat dibalai-balai dalam nuraka badan tersalai.'

"Ia mempunyai permulaan bahasa yang indah, misalnya 'menyurat syair terlalu indah, membaca dan mendengar baik faedah.'

"Satu hal yang nyata naskhah itu juga seperti kebiasaan tradisi pengarang Melayu. Meskipun tidak diketahui siapa pengarangnya, tujuan teks ini ditulis ada dnyatakan," katanya.

Tegas Wieringa, meskipun SUBJ antara judul yang laris pada zamannya, senario itu berubah menjelang abad ke-20 apabila tradisi itu tidak diteruskan.